

31/10/2003

KDNK diramal naik enam peratus

By Azizi Othman

KELUARAN Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka meningkat pada kadar

purata enam peratus setahun sepanjang tempoh 2004 hingga 2005 dengan sektor swasta memacu perkembangannya.

Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Datuk Halipah Esa,

berkata sektor swasta kini semakin kukuh dan dijangka kembali menerajui usaha pembangunan ekonomi negara.

Bercakap dalam taklimat media mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan

Malaysia Kelapan (RM-8) di Putrajaya, kelmarin, beliau berkata, sepanjang

tempoh 2001 hingga 2003, ekonomi Malaysia berkembang pada purata 3.0 peratus.

Katanya, sepanjang keseluruhan tempoh RM-8, iaitu 2001 hingga 2005, ekonomi Malaysia diunjur berkembang pada kadar purata 4.2 peratus berbanding sasaran asalnya 7.5 peratus.

Halipah berkata, walaupun kadar pertumbuhan itu lebih rendah berbanding

sasaran, angka 3.0 peratus pada 2001 hingga 2003 adalah amat membanggakan.

Katanya, ini kerana ia selepas mengambil kira persekitaran ekonomi dan geopolitik antarabangsa yang mencabar, keterbukaan ekonomi Malaysia dan pergantungan terhadap produk elektronik yang mencatat kejatuhan eksport.

Kajian Separuh Penggal RM-8 itu dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dalam sesi terakhir beliau sebagai Perdana Menteri di Parlimen, semalam.

Halipah berkata, walaupun terpaksa mengharungi beberapa krisis, Malaysia

masih berada pada landasan yang baik untuk mencapai kebanyakan sasaran RM-

8.

Selain itu katanya, pencapaian ekonomi Malaysia sepanjang tempoh berkenaan adalah jauh lebih baik berbanding negara serantau yang lain.

Katanya, pendapatan perkapita meningkat hampir 2.4 peratus dan 3.9 peratus dari segi perbandingan kuasa beli manakala inflasi berjaya dikekang di bawah paras dua peratus.

"Pada masa yang sama, kadar pengangguran juga kekal pada 3.5 peratus dan

ia disifatkan sebagai guna tenaga penuh kerana di bawah tahap empat peratus," katanya.

Halipah juga berkata, akaun semasa imbalan pembayaran terus mengekalkan

lebih yang besar, sekali gus menyumbang kepada kedudukan rizab luaran yang kukuh.

Sementara itu katanya, defisit fiskal yang naik kerana beberapa langkah

yang dilaksanakan kerajaan kekal pada tahap yang berhemat.

Beliau berkata, satu daripada ciri yang baik dalam ekonomi negara ialah

ia semakin bersifat meluas dan mencatat peningkatan sumbangan daripada sektor perkhidmatan.

Pada masa yang sama, sektor pertanian memperlihatkan keteguhan semula berikutan kenaikan harga komoditi utama dan peningkatan kadar pengeluaran.

Halipah bagaimanapun mengingatkan mengenai beberapa cabaran yang mungkin

dihadapi oleh Malaysia dalam tempoh 2004 dan 2005, terutama peningkatan persaingan dari China.

Mengenai Kajian Separuh Penggal RM-8, beliau berkata, tumpuan dasarnya ialah kepada usaha menempatkan semula Malaysia dalam keadaan lebih kukuh bagi menghadapi cabaran.

Pada masa yang sama katanya, ia juga akan berteraskan kepada usaha membina kekuatan dalaman untuk meraih pelbagai peluang yang mungkin muncul pada masa depan.

"Ia akan meletakkan ekonomi Malaysia pada asas yang kukuh untuk meningkatkan dinamisnya serta membolehkan ia terus berkembang secara stabil pada masa depan," katanya.